Ahmad Bashid bin Abdul Malek & Yang lain lwn Timbalan Menteri Dalam Negeri & Yang lain

MAHKAMAH TINGGI (TEMERLOH) — PERMOHONAN JENAYAH NO 44–1 TAHUN 1998 DAN 47 YANG LAIN
AZHAR PK
24 MAC 1998

Acara Jenayah *— Habeas corpus — Penahanan penagih dadah — Permohonan meminta perintah habeas corpus terhadap perintah mahkamah majistret menempatkan pemohon-pemohon di pusat serenti mengikut s 6(1)(a) Akta Penagih Dadah (Rawatan dan Pemulihan) 1983 — Sama ada pemohon-pemohon seharusnya memohon writ certiorari dan bukannya writ habeas corpus — Sama ada perintah tahanan oleh majistret merupakan perintah kehakiman yang berkuatkuasa sehingga ia diketepikan atau dibatalkan oleh mahkamah yang lebih tinggi melalui proses rayuan atau semakan — Sama ada habeas corpus adalah remedi yang sesuai untuk dikeluarkan di dalam permohonan begini — Akta Penagih Dadah (Rawatan dan Pemulihan) 1983 s 6, 6(1)(a) — Kaedah-Kaedah Mahkamah Tinggi 1980 A 53*

Pemohon-pemohon telah diperintahkan oleh majistret-majistret Mahkamah Majistret Temerloh, Raub dan Bentong untuk ditempatkan di beberapa pusat serenti bagi tujuan menjalani rawatan dan pemulihan selama dua tahun mengikut peruntukan di bawah s 6(1)(a) Akta Penagih Dadah (Rawatan dan Pemulihan) 1983 ('Akta tersebut'). Pemohon-pemohon masing-masing memohon kepada mahkamah ini supaya writ habeas corpus dikeluarkan terhadap penentang-penentang yang dikatakan bertanggungjawab dalam menahan mereka dan seterusnya supaya mereka semua dibebaskan. Pemohon-pemohon menamakan Timbalan Menteri Dalam Negeri, Ketua Polis Negara dan Ketua Komandan Pusat Serenti sebagai penentang di dalam permohonan ini. Peguam kanan persekutuan yang mewakili ketiga-tiga penentang telah membuat bantahan awal berhubung dengan prosedur dan kesesuaian perintah writ habeas corpus ini dipohon. Adalah dihujahkan oleh peguam kanan persekutuan bahawa pemohon-pemohon seharusnya memohon writ certiorari dan bukannya writ habeas corpus.

Diputuskan, membenarkan bantahan awal peguam kanan persekutuan dan menolak semua permohonan:

Di dalam keadaan kes-kes di mana permohonan 'judicial review' mengakibatkan habeas corpus dikeluarkan, kesannya ke atas perintah eksekutif itu ialah dengan sendirinya perintah tersebut terbatal. Perintah kehakiman pada lazimnya mengatasi perintah eksekutif. Sedangkan di dalam kes ini, perintah tahanan oleh majistret terhadap pemohon-pemohon adalah merupakan perintah kehakiman yang berkuatkuasa sehingga ia diketepikan atau dibatalkan secara spesifik oleh satu perintah lain yang dibuat oleh mahkamah yang lebih tinggi melalui proses rayuan atau semakan. Oleh itu, habeas corpus bukanlah remedi yang sesuai untuk dikeluarkan di dalam permohonan-permohonan ini (lihat ms 120E–F dan 121A–B).

A **[English summary**

The applicants were ordered by the magistrates of the Magistrate's Court at Temerloh, Raub and Bentong to be placed at several rehabilitation centres for the purpose of undergoing treatment and rehabilitation for two years in accordance with the provisions under
B s 6(1)(a) of the Drug Dependants (Treatment and Rehabilitation) Act 1983 ('the Act'). The applicants respectively applied to this court for a writ of habeas corpus to be issued against the respondents who were alleged to be responsible for their detention and subsequently for all of them to be released. The applicants named the Deputy Home Minister, the Inspector-General of Police and the Chief
C Commandant of the rehabilitation centre as respondents in this application. The senior federal counsel representing all three respondents had made preliminary objections in connection with procedure and the appropriateness of the order in this application for a writ of habeas corpus. It was submitted by the senior federal
D counsel that the applicants ought to have made an application for a writ of certiorari rather than a writ of habeas corpus.

Held, allowing the senior federal counsel's preliminary objection and dismissing all the applications:

E In cases where an application for 'judicial review' causes habeas corpus to be issued, the effect on the executive order is that it becomes void by itself. A judicial order ordinarily prevails over an executive order, whereas in this case, the remand order by the magistrate against the applicants is a judicial order which is in force until it was set aside or specifically quashed by another order of a
F higher court by way of an appeal or revision. Therefore, the issuance of habeas corpus is not an appropriate remedy in these applications (see pp 120E–F and 121A–B).]

[*Nota penyunting*: Pemohon pertama telah memfailkan suatu rayuan ke Mahkamah Rayuan.]

G

Nota-nota

Untuk kes-kes mengenai penahanan penagih dadah, lihat 5 *Mallal's Digest* (4th Ed, 1994 Reissue) perenggan 1361–1363.

H

Kes-kes yang dirujuk

Ang Gin Lee v PP [1991] 1 MLJ 498 (dirujuk)
Ex parte Lees El Bl & El 828 (dirujuk)
Fazakerly v Baldoe (1908) 87 ER 932 (dirujuk)
I *Francis Robert Newton, Re* 16 CB 97 (dirujuk)
Gurdit Singh, Re [1933] MLJ 224 (dirujuk)
Hetherington v Reynold (1909) 92 ER 848 (dirujuk)
Hongkong & Shanghai Banking Corp, Ipoh v Rent Tribunal for Ulu Kinta & Ors [1972] 1 MLJ 70 (dirujuk)

Hotel Equatorial (M) Sdn Bhd v National Union of Hotel, Bar & Restaurant Workers & Anor [1984] 1 MLJ 363 (dirujuk)
Makhanlall & Co Ltd, Re [1969] 1 MLJ 36 (dirujuk)
Richard Dunn, Re 5 CB 215 (dirujuk)
King, The v The Commanding Officer of Morn Hill Camp, Winchester [1917] 1 KB 176 (dirujuk)
Yeap Hock Seng v Minister for Home Affairs, Malaysia & Ors [1975] 2 MLJ 279 (dirujuk)

Undang-undang yang dirujuk

Akta Keselamatan Dalam Negeri 1960
Akta Penagih Dadah (Rawatan dan Pemulihan) 1983 s 6, 6(1)(a)
Kaedah-Kaedah Mahkamah Tinggi 1980 A 53
Perlembagaan Persekutuan perkara 5

Richard Bong (*Bong & Co*), *Ahmad Nizam Hamid* (*Sazali & Lim*), *Rozilan Abdul Rahman* (*Suhaimi Tan Zamani & Rozilan*) dan *SS Gill* (*Harbans Wan Salina SS Gill & Co*) bagi pihak pemohon.
Mohd Fauzi Mohd Nasir (Peguam Kanan Persekutuan) bagi pihak penentang.

Cur Adv Vult

Azhar PK: Pemohon-pemohon di dalam permohonan ini telah diperintahkan oleh majistret-majistret Mahkamah Majistret Temerloh, Raub dan Bentong ditempatkan di beberapa Pusat Serenti di negeri ini bagi tujuan menjalani rawatan dan pemulihan selama dua tahun, mengikut peruntukan di bawah s 6(1)(a) Akta Penagih Dadah (Rawatan dan Pemulihan) 1983 ('Akta tersebut').

Akibat dari ini, pemohon-pemohon masing-masing telah memfailkan notis usul memohon kepada mahkamah ini supaya writ habeas corpus dikeluarkan terhadap penentang-penentang yang dinamakan, dan seterusnya mereka semua dibebaskan.

Sebelum pendengaran permohonan dimulakan, peguam kanan persekutuan yang mewakili ketiga-tiga penentang telah membuat bantahan awal berhubung dengan prosedur dan kesesuaian perintah writ habeas corpus ini dipohon. Adalah dihujahkan oleh peguam kanan persekutuan bahawa pemohon-pemohon seharusnya memohon writ certiorari dan bukannya writ habeas corpus. Ini adalah kerana majistret-majistret berkenaan di dalam membuat perintah penempatan pemohon-pemohon di pusat serenti telah melaksanakan 'judicial inquiry' sepertimana yang dikehendaki di bawah s 6 Akta tersebut. Di bawah s 6 ini, perintah penempatan di Pusat Serenti hanya dibuat setelah majistret-majistret berkenaan menimbang laporan pegawai perubatan dan laporan pegawai pemulihan serta mengambil kira hak subjek berkenaan membuat representasi.

Pendeknya, penempatan pemohon-pemohon berkenaan adalah dibuat oleh penentang-penentang berlandaskan perintah yang sah yang dibuat oleh majistret-majistret berkenaan mengikut lunas-lunas undang-undang yang ada. Perintah yang dibuat oleh majistret ini adalah merupakan perintah yang muktamad yang tidak ada peruntukan di dalam Akta tersebut bagi pemohon membuat rayuan. Peguam Kanan Persekutuan merujuk kepada kes *Ang Gin Lee v PP* [1991] 1 MLJ 498.

Dihujahkan seterusnya, apa yang sebenarnya dipersoalkan oleh pemohon-pemohon melalui afidavit masing-masing ialah berhubung dengan proses yang membawa majistret-majistret kepada pencapaian keputusan yang dibuat oleh mereka. Di dalam keadaan begini, habeas corpus bukanlah satu perintah yang boleh digunakan bagi mempertikaikan keesahan perintah penempatan oleh majistret-majistret. Kes *The King v The Commanding Officer of Morn Hill Camp, Winchester* [1917] 1 KB 176 telah dikemukakan bagi menyokong hujahan ini.

Isu yang timbul dari pemohon-pemohon ini adalah sama ada perintah penempatan/penahanan pemohon-pemohon di Pusat Serenti adalah merupakan perintah yang telah dibuat secara sah. Sehubungan dengan ini, Peguam Kanan Persekutuan menegaskan bahawa pihak yang terkilan dan tidak puas hati dengan proses perintah ini dibuat boleh memohon agar ianya dibatalkan melalui permohonan writ certiorari seperti yang diperuntukkan di bawah A 53 Kaedah-Kaedah Mahkamah Tinggi 1980. Perintah writ habeas corpus jika dikeluarkan tidak boleh membatalkan perintah majistret-majistret.

Peguam kanan persekutuan juga turut membuat perbezaan di antara perintah penempatan/penahanan di bawah Akta tersebut ini dengan perintah-perintah tahanan yang dibuat di bawah undang-undang pencegahan seperti Akta Keselamatan Dalam Negeri 1960 sebagai contohnya, di mana tidak dinafikan bahawa habeas corpus adalah perintah yang sesuai untuk diperolehi bagi mendapatkan kebebasan seseorang tahanan. Tahanan di bawah undang-undang pencegahan ini dibuat akibat dari arahan yang dikeluarkan oleh pihak eksekutif, iaitu biasanya oleh Menteri Dalam Negeri atau timbalannya. Langkah-langkah dan proses yang diambil yang membawa kepada penahanan seseorang di bawah undang-undang ini hanya melibatkan pihak eksekutif semata-mata. Sedangkan di dalam kes ini s 6 Akta tersebut menghendaki seseorang majistret itu mengadakan siasatan kehakiman bagi tujuan menentukan perintah yang sesuai yang boleh dibuat terhadap subjek berkenaan.

Akhir sekali, peguam kanan persekutuan turut mempersoalkan ketepatan tindakan pemohon-pemohon menamakan Timbalan Menteri Dalam Negeri dan Ketua Polis Negara sebagai penentang di dalam permohonan ini. Dihujahkan bahawa Ketua Komandan Pusat Serenti berkenaan adalah pihak yang sebenarnya mempunyai jagaan fizikal ke atas pemohon-pemohon. Maka dengan hal yang demikian, permohonan-permohonan ini semestinyalah ditujukan kepada Ketua Komandan Pusat Serenti berkenaan sahaja. Sehubungan dengan ini, dihujahkan selanjutnya bahawa tindakan Ketua Komandan Pusat Serenti berkenaan menahan

pemohon-pemohon di dalam jagaannya tidak boleh dipertikaikan oleh kerana penahanan itu dilakukan berlandaskan perintah yang dibuat oleh majistret-majistret berkenaan.

Di dalam hujahan balasnya, En Richard Bong peguam bagi pemohon-pemohon secara sepintas lalu merujuk kepada perkara 5 Perlembagaan Persekutuan dan menegaskan bahawa mahkamah ini mempunyai bidang kuasa mendengar semua kes dan tindakan yang melibatkan kebebasan individu.

Peguam telah merujuk kepada beberapa autoriti yang merupakan keputusan-keputusan mahkamah-mahkamah di England yang berusia hampir 100 tahun yang mana dikatakan di dalam kes-kes tersebut yang melibatkan penahanan individu, writ habeas corpus telah dipakai. Kes-kes yang dirujuk ini adalah *Fazakerly v Baldoe* (1908) 87 ER 932 dan *Hetherington v Reynold* (1909) 92 ER 848.

Dengan hormatnya, penelitian saya terhadap kedua-dua kes ini mendapati bahawa ia adalah hanyalah merupakan fakta kes serta sedikit ulasan yang tidak dapat membantu di dalam isu yang sedang diperkatakan ini.

Seterusnya peguam merujuk kepada kes *Yeap Hock Seng v Minister for Home Affairs, Malaysia & Ors* [1975] 2 MLJ 279 di mana di dalam kes tersebut pemohon yang telah ditahan di atas perintah yang dibuat oleh Menteri Dalam Negeri di bawah s 4(1) Ordinan Darurat (Ketenteraman Awam dan Mencegah Jenayah) (No 5) 1969 memohon writ habeas corpus dan telah diputuskan di antara lain bahawa habeas corpus adalah merupakan hak bagi seseorang dan seseorang itu tidak diwajibkan menggunakan remedi lain yang remeh dan lebih menyusahkan ataupun remedi alternatif yang diperuntukkan oleh mana-mana statut, walaupun remedi tersebut lebih mudah, berkesan dan menguntungkan. Terserahlah kepada mahkamah untuk meneliti dan menentukan keesahan perintah yang dipersoalkan itu.

Selanjutnya di dalam kes *Hongkong & Shanghai Banking Corp, Ipoh v Rent Tribunal for Ulu Kinta & Ors* [1972] 1 MLJ 70 secara obiter, HS Ong HP menyatakan bahawa pada amnya permohonan bagi certiorari tidak akan dibenarkan sekiranya terdapat remedi alternatif yang belum dipohon oleh pemohon. Dalam lain-lain perkataan, certiorari haruslah merupakan satu ikhtiar terakhir bagi seseorang di dalam usahanya untuk mengenepikan dan membatalkan sesuatu keputusan atau perintah yang dibuat oleh sesuatu tribunal.

Penemuan mahkamah

Bertolak dari hujahan yang dikemukakan oleh kedua-dua pihak di dalam permohonan ini, isu awal yang harus ditentukan terlebih dahulu ialah apakah sebenarnya status perintah penahanan yang dibuat oleh majistret-majistret berkenaan. Peguam kanan persekutuan dalam hujahannya mengatakan bahawa perintah-perintah tersebut dikeluarkan selepas majistret masing-masing menjalankan 'judicial inquiry'. Di sini, saya rasa perlu bagi saya memberi pandangan dengan pemakaian terminologi 'judicial inquiry'

A oleh peguam kanan persekutuan itu. Pemahaman saya mengenai 'inquiry', ia adalah merupakan satu proses penyiasatan dan pengumpulan maklumat dan fakta bagi tujuan mendapatkan pengetahuan tentang sesuatu perkara atau kejadian. Ia berbeza dengan tribunal. Tribunal, sambil berfungsi menjalankan siasatan juga mempunyai kuasa dan tanggungjawab untuk membuat sesuatu keputusan di atas siasatan yang dilakukannya. Bagi 'inquiry' pula, tugas pegawai penyiasat hanyalah mengumpulkan maklumat dan mengemukakannya kepada pihak berkuasa pentadbiran yang lebih tinggi untuk keputusan atau tindakan yang sesuai.

Dengan memakai analogi ini di dalam kes semasa, perlu ditegaskan di sini bahawa pihak yang bertanggungjawab yang telah menjalankan 'inquiry' atau siasatan ialah pegawai-pegawai dari Jabatan Polis Diraja, Malaysia. Peranan majistret-majistret di dalam kes ini ialah menjalankan prosiding kehakiman (judicial proceeding) dan seterusnya membuat perintah seperti yang telah diperuntukkan di bawah undang-undang berkenaan. Majistret-majistret berkenaan di dalam mengeluarkan perintah-perintah telah berbuat demikian di dalam melaksanakan fungsi kehakiman mereka masing-masing. Perintah-perintah ini adalah merupakan perintah yang muktamad.

Peguam Kanan Persekutuan mengatakan keputusan majistret- majistret mengeluarkan perintah tahanan ini tidak boleh dirayu ke mahkamah yang lebih tinggi. Saya rasa tidak ada masalah tentang ini. Ini sememangnya tidak dipertikaikan.

Walau bagaimanapun, seperti yang diakui sendiri oleh peguam kanan persekutuan, apa yang dipertikaikan oleh pemohon-pemohon bukanlah merit keputusan itu sendiri, tetapi proses yang membawa majistret kepada membuat keputusan tersebut.

Sehubungan dengan ini, terdapat petikan dari penghakiman Mahkamah Persekutuan di dalam kes *Hotel Equatorial (M) Sdn Bhd v National Union of Hotel, Bar & Restaurant Workers & Anor* [1984] 1 MLJ 363 di ms 371 yang berbunyi:

> In the exercise of its inherent supervisory jurisdiction over inferior tribunals of limited jurisdiction, the High Court must always remember that it is not sitting as a court of appeal to review the findings of the inferior tribunals. The High Court, it must be observed, has no jurisdiction to consider the merits of the case; its only function is to consider whether the inferior tribunal has performed its duties according to law. A clear distinction must be maintained between want of jurisdiction and the manner of its exercise ... .

Dari petikan di atas, bolehlah dikatakan bahawa di dalam apa keadaan sekali pun Mahkamah Tinggi mempunyai bidang kuasa sedia ada untuk mengawal selia proses pembuatan sesuatu keputusan dan perintah oleh sesuatu badan yang diberikuasa untuk berbuat demikian. Apatah lagi di dalam kes ini, perintah yang dipersoalkan melibatkan kebebasan individu, hak yang dijamin di bawah Perlembagaan Persekutuan. Ringkasnya, apa yang perlu ditentukan oleh mahkamah ini di dalam permohonan-permohonan ini ialah keesahan (legality) dan bukannya merit perintah-perintah berkenaan.

Terdapat beberapa jenis remedi yang boleh dipohon dan diperolehi oleh pihak-pihak yang terkilan dan tidak berpuas hati dengan sesuatu keputusan dan perintah yang dibuat oleh badan-badan yang diberi kuasa untuk membuat perintah. Di dalam konteks dan keadaan kes ini, remedi yang relevan dan menjadi isu ialah habeas corpus dan certiorari.

Mengenai habeas corpus, MP Jain di dalam bukunya *Administrative Law of Malaysia and Singapore* (Edisi Ketiga) di antara lain menulis (di ms 631):

> The order of habeas corpus is used primarily to secure the release of a person who has been *arrested unlawfully or without any legal justification* ... . The order is issued to the person who has the custody of the aggrieved person. (Penekanan ditambah.)

Di dalam buku *Judicial Review of Administrative Action* (Edisi Kelima) Lord Woolf, Lord of Appeal in Ordinary dan Jeffrey Jowell QC profesor undang-undang awam, menulis di antara lain:

> The specific purpose of the remedy is to secure the release of a person who is *unlawfully retained.* (Penekanan ditambah.)

Seterusnya dan yang lebih penting, perkara 5(2) Perlembagaan Persekutuan membuat peruntukan seperti berikut:

> Where complaint is made to a High Court or any judge thereof that a person is being *unlawfully detained* the court shall inquire into the complaint and, unless satisfied that the detention is lawful, shall order him to be produced before the court and release him. (Penekanan ditambah.)

Dari ketiga-tiga petikan di atas dapat dilihat bahawa ungkapan-ungkapan (phrase) yang diberi penekanan ialah 'unlawfully detained' dan 'arrested unlawfully or without any legal justification'. Kedua-dua ungkapan ini adalah merupakan perkataaan-perkataan yang operatif di dalam petikan-petikan tersebut.

Oleh kerana permohonan-permohonan ini juga ditujukan kepada Ketua Komandan Pusat Serenti, iaitu pihak yang sebenarnya mempunyai jagaan fizikal pemohon-pemohon, maka timbulkan persoalan sama ada Ketua Komandan Pusat Serenti berkenaan di dalam melaksanakan tugasnya menahan pemohon-pemohon di pusat-pusat berkenaan, bertindak secara tidak sah. Jawapannya, pada pendapat saya ialah tidak. Penentang ketiga bertindak menahan pemohon-pemohon berlandaskan perintah yang dikeluarkan kepadanya oleh majistret.

Perintah inilah yang memberi kuasa kepada Ketua Komandan Pusat Serenti meletakkan pemohon-pemohon di bawah tahanannya.

Seperti yang ditegaskan di atas, yang dipertikaikan bukanlah tahanan itu sendiri, tetapi perintah yang memberi kuasa untuk menahan. Oleh yang demikian sesuatu harus dilakukan terhadap perintah tersebut. Tindakan perlu diambil untuk mengenepikan atau membatalkannya, kerana walaupun dikatakan perintah itu dibuat tanpa mematuhi prosedur-prosedur tertentu, ia masih lagi merupakan perintah yang sah sehinggalah ia dibatalkan oleh Mahkamah Tinggi.

Persoalan kini, apakah habeas corpus jika dikeluarkan boleh menyebabkan terbatalnya perintah majistret itu? Kes Mahkamah Rayuan yang dirujuk oleh peguam kanan persekutuan ialah *Inspector General of Police & Anor v Teh Guan Teik* (SGT 7847) (Rayuan Sivil No N–01–7–94, tidak dilaporkan), di mana di dalam kes tersebut penentang telah berjaya mendapatkan perisytiharan di Mahkamah Tinggi bahawa pemberhentiannya sebagai pegawai polis oleh perayu pertama adalah di atas sebab yang tidak munasabah; Mahkamah Rayuan di dalam penghakimannya di antara lain menyatakan seperti berikut:

> We consider that as the inferior tribunal had made a decision, the respondent should have applied for an order of certiorari to quash that decision failing which the decision of the inferior tribunal still stands.

Di dalam kes *Re Gurdit Singh* [1933] MLJ 224, pempetisyen berkenaan telah dikenakan hukuman tiga bulan penjara di atas kesalahan membuat pertuduhan palsu. Setelah itu, ia membuat rayuan ke Mahkamah Tinggi. Ia telah membuat permohonan, di bawah s 363 Kanun Acara Jenayah 1926 bagi pembebasannya. Di dalam menolak permohonan tersebut, Elphinstone CJ di antara lain menyatakan seperti berikut (di ms 225):

> The petitioner is detained under the order of Mudie J, a judge of the Supreme Court, who sentenced him to three months' rigorous imprisonment. It is to my mind impossible to say that the petitioner is either illegally or improperly detained. The order of Murdie J is the order of a judge in a case properly brought before him, and until it is set aside by a court of competent jurisdiction, must be taken to be valid. It follows that the applicant is not improperly or illegally detained and that s 363 does not apply.

Di dalam kes yang sama, hakim berkenaan juga merujuk kepada petikan penghakiman Lord Campbell CJ, di dalam kes *Ex parte Lees* El Bl & El 828 yang berbunyi:

> A writ of habeas corpus to the expediency of granting which we have also directed our attention, is not grantable in general, where the party is in execution on a criminal charge, after judgment, or an indictment according to the course of the common law.

Di dalam kes *Re Richard Dunn* 5 CB 215, Wilde CJ semasa menolak permohonan habeas corpus oleh pemohon bagi tujuan 'to test the validity of the warrant of commitment' di dalam penghakimannya di antara lain menyatakan seperti berikut:

> It is perfectly clear that the remedy of the prisoner in this case, if any, is by writ of error. If we were to accede to this application — which is certainly one of the first impression — it would lead to consequences that never were contemplated. It would follow that every sentence pronounced by the Court of Queen's Bench would be subject to be reviewed summarily by a judge at chambers.

Seterusnya di dalam kes *Re Francis Robert Newton* 16 CB 97, di mana pemohon — yang didapati bersalah kerana melakukan kecederaan — memohon habeas corpus di atas alasan kesalahan berkenaan berlaku di kawasan yang terletak di luar bidang kuasa mahkamah yang membicarakan.

Mahkamah telah menolak permohonan dan memutuskan bahawa remedi yang harus dipohon ialah writ of error. Jervis CJ di dalam penghakimannya di antara lain menyatakan:

> Failing that remedy, the party cannot question the truth of the record upon a habeas corpus. This does not leave the party wholly without redress; he may obtain it from the prerogative of the Crown ... . I am clearly of opinion that this application is as groundless as it is unprecedented.

Beralih kepada penghujahan peguam pemohon, satu aspek yang saya rasa perlu diberi ulasan khusus ialah mengenai apa yang dikatakan amalan dan kecenderungan mahkamah-mahkamah di negara ini menerima pakai habeas corpus sebagai remedi di dalam kes-kes yang melibatkan kebebasan individu. Peguam telah mengemukakan banyak autoriti di dalam bentuk kes-kes yang telah diputuskan terdahulu, di mana di dalam kes-kes tersebut permohonan habeas corpus telah dibenarkan. Di samping autoriti yang dikemukakan ini, saya sendiri telah meneliti beberapa autoriti tambahan. Apa yang saya dapati di dalam kesemua kes ini adalah seperti apa yang dikatakan oleh peguam kanan persekutuan bahawa ia merupakan permohonan 'judicial review' melalui habeas corpus yang melibatkan tahanan individu di bawah undang-undang percegahan di mana perintah telah dikeluarkan oleh pihak eksekutif di dalam menjalankan tugas dan kuasa administratifnya.

Di dalam keadaan kes-kes tersebut, di mana permohonan 'judicial review' mengakibatkan habeas corpus dikeluarkan, kesannya ke atas perintah eksekutif itu ialah dengan sendirinya perintah tersebut terbatal. Perintah kehakiman pada lazimnya mengatasi perintah eksekutif. Sedangkan di dalam kes ini, perintah tahanan oleh majistret terhadap pemohon-pemohon adalah merupakan perintah kehakiman yang berkuatkuasa sehingga ianya diketepikan atau dibatalkan secara spesifik oleh satu perintah lain yang dibuat oleh mahkamah yang lebih tinggi melalui proses rayuan atau semakan. Inilah, pada pendapat saya, prinsip yang dipakai oleh Mahkamah Rayuan di dalam kes *Teh Guan Teik* yang memutuskan bahawa perintah perisytiharan tidak boleh menyebabkan perintah yang dibuat oleh tribunal berkenaan terbatal.

Sedikit tentang certiorari, walaupun memang sudah diketahui mengenai remedi ini, saya amat tertarik dengan perenggan pendek yang terdapat di dalam buku *Administrative Law* (Edisi Ketujuh) oleh Wade & Forsyth, yang berbunyi:

> Certiorari is used to bring up into the High Court the decision of some inferior tribunal of authority in order that it may be investigated. If the decision does not pass the test, it is quashed — that is to say, it is declared completely invalid, so that no one need to respect it.

Di dalam kes *Re Makhanlall & Co Ltd* [1969] 1 MLJ 36, persoalan yang perlu diputuskan oleh Singapore Federal Court ialah sama ada remedi certiorari terpakai di mana majistret telah membuat satu perintah di bawah Local Government Integration Ordinance 1963. Telah diputuskan bahawa majistret di dalam membuat perintahnya telah bertindak melebihi bidang kuasanya. Oleh yang demikian perintah tersebut haruslah dibatalkan — melalui certiorari.

A Sebagai kesimpulan, dari apa yang dibentangkan di atas dapatlah dilihat dan seterusnya diputuskan bahawa habeas corpus bukanlah remedi yang sesuai untuk dikeluarkan di dalam permohonan-permohonan ini. Oleh yang demikian, saya membenarkan bantahan awal peguam kanan persekutuan dan justeru itu menolak semua permohonan-permohonan
B yang ada di hadapan saya ini.

Bantahan awal dibenarkan dan permohonan-permohonan ditolak.

Dilaporkan oleh Hanim Kamaruddin

C

D

E

F

G

H

I